

Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKBAR ANDA

RENCANA PENGARANG

KHAMIS, 20 MEI, 1982

AMANAT MAHATHIR: HAPUSKAN RASUAH

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KONSEP kerajaan cekap, bersih dan amanah itu menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, bukan cogan kata tetapi suatu prinsip kerja yang perlu diamalkan. Hakikat ini harus difaham dengan sejelas-jelasnya oleh semua pihak, baik yang memimpin mahupun yang menganggotai kerajaan.

Amanat Perdana Menteri bahawa kerajaan pimpinannya tidak akan bertolakansur atau teragak-agak mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pemimpin-pemimpin yang terlibat dengan rasuah itu, walaupun ditujukan kepada para pemimpin utama kerajaan di peringkat negeri dan pusat, namun amaran ini adalah untuk perhatian seluruh masyarakat.

Betapa besar dan bahayanya rasuah kepada negara tidak sukar kita bayangkan. Kegiatan jahanam ini bukan sahaja boleh mengorbankan maruah diri, murtabat jawatan dan nilai sumbangan seseorang sebagai

pemegang amanah rakyat malah penyelewengan demikian boleh merosakkan kelicinan pentadbiran kerajaan, jika tidak melumpuhkannya langsung. Dan tentulah sebuah pentadbiran yang lumpuh tidak akan berkemampuan menghasilkan kemajuan dan pembangunan sebagaimana yang kita harapkan.

Oleh sebab itulah kerajaan kita ini sejak awal-awal lagi telah memberikan perhatian yang berat terhadap usaha-usaha mengesan dan membendung penyakit ini dari merebak. Semenjak tahun 1950 lagi Ordinan Pencegah Rasuah telah diwujudkan. Senjata undang-undang yang penting ini telah dipertajam lagi apabila Parlimen meluluskan Akta Pencegah Rasuah pada tahun 1961. Tetapi mempunyai kuasa undang-undang sahaja tanpa sebuah badan khusus yang lengkap bertanggungjawab mengerakkannya tidak akan menghasilkan kesan sebagaimana yang diharapkan. Penubuhan Badan Pencegah Rasuah (BPR) pada tahun 1967, pengluasan fu-

ngsi dan penukaran namanya kepada Biro Siasatan Negara (BSN) pada tahun 1973 dan pengembalian nama dan fungsi badan ini kepada asalnya pada awal tahun ini menunjukkan betapa beratnya penekanan yang diberikan oleh kerajaan terhadap pencegahan dan pembendungan rasuah.

Langkah-langkah penting lain yang telah diambil termasuklah pengeluaran arahan-arahan tegas melarang setiap pegawai tinggi kerajaan dan wakil-wakil rakyat dari melibatkan diri dalam sebarang kegiatan perniagaan — untuk mengelakkan konflik kepentingan — dan memerlukan mereka melaporkan harta peribadi masing-masing setiap tahun. Tetapi oleh kerana rasuah menguntungkan kedua belah pihak (penerima dan pemberi) maka tentulah kejayaan pembendungan kegiatan ini tergantung bukan sedikit kepada kerjasama dan sokongan dari rakyat sendiri. Jika kata tidak bersahut dan gayung tidak bersambut masalah ini tentulah tidak akan menjadi-jadi.